



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2012
PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH**

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

**PERATURAN PEMARKAHAN
(Panduan Pemeriksa Sahaja)**

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 2 halaman bercetak

KERTAS 1

1.	C	21.	D
2.	C	22.	C
3.	B	23.	D
4.	C	24.	A
5.	A	25.	B
6.	D	26.	A
7.	D	27.	D
8.	A	28.	B
9.	B	29.	D
10.	A	30.	D
11.	B	31.	B
12.	D	32.	A
13.	A	33.	C
14.	A	34.	B
15.	A	35.	A
16.	D	36.	B
17.	B	37.	C
18.	B	38.	B
19.	C	39.	C
20.	C	40.	D

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT-



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2012
PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH**

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

**PERATURAN PEMARKAHAN
(Panduan Pemeriksa Sahaja)**

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak

RINGKASAN DAN PEMAHAMAN
(30 MARKAH)

Bahagian A(i): Ringkasan :20 markah

Perkara yang perlu diberi perhatian:

- a. Menandakan kesalahan bahasa seperti penandaan karangan
- b. Peringkatkan markah pelajar ikut kriteria di bawah;

Markah Bahasa : 10 markah

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	09-10	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Bahasa lancar ➤ Menggunakan ayat sendiri ➤ Penanda wacana yang sesuai ➤ Ejaan/tanda baca betul
Baik	06-08	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Bahasa baik dan lancar ➤ Masih menggunakan ayat sendiri ➤ kesalahan ejaan/tanda baca yang minimum.
Memuaskan	03-05	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Bahasa kurang lancar ➤ Kesalahan bahasa yang ketara ➤ menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih
Penguasaan Minimum	01-02	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Penguasaan bahasa yang lemah ➤ Menyalin petikan.

Markah isi: 10 markah

Bilangan isi	Markah
5	09-10
4	07-08
3	05-06
2	03-04
1	01-02

Menulis markah

i) I - 10 B - 10 ----- 20 -----	ii) I - 09 terdapat isi yang tidak lengkap B - 08 ----- 17 -----	iii) I - 10 B- 05 menyalin terpilih ----- 15 -----	iv) I - 8 tolak 50%- = 04 B - 02 ----- 06 -----
---	--	---	--

JAWAPAN RINGKASAN - Bahagian A (i)

Usaha-usaha meningkatkan semangat patriotisme dan perpaduan kaum di negara kita

Isi penting;

1. Penghayatan falsafah Rukun Negara. (2m)
2. Pendedahan generasi muda terhadap sejarah negara. (2m)
3. Mata pelajaran Sejarah dijadikan sebagai pembelajaran wajib di sekolah. (2m)
4. Penubuhan Kelab Rukun Negara di sekolah. (2m)
5. Melalui pembelajaran di sekolah. (2m)
6. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa kebangsaan. (2m)
7. Melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) (2m)

Bahagian A(ii): Pemahaman :10 markah

Soalan 1 : maksud kata/rangkai kata : 2 markah

Markah	Deskripsi
2 markah	- maksud tepat mengikut konteks dan ayat gramatis
1 markah	- maksud tepat mengikut konteks tetapi ayat tidak lengkap - maksud kurang tepat mengikut konteks/isi tersurat sahaja - hanya memberikan sebahagian daripada maksud rangkai kata
0 markah	-maksud tidak tepat mengikut konteks

Soalan 2 : Soalan pemahaman petikan : 4 markah

Markah	Deskripsi
4 markah	- isi cukup serta lengkap dan ayat gramatis
3 markah	- isi cukup serta lengkap tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- isi kurang dan ayat kurang gramatis
1 markah	- isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis
0 markah	- isi tidak mengikut tugasan

Soalan 3 : Soalan pemahaman Kemahiran Berfikir : 4 markah

Markah	Deskripsi
4 markah	- isi relevan mengikut tugasan dan ayat gramatis
3 markah	- isi relevan mengikut tugasa tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- isi kurang relevan mengikut tugasan tetapi ayat gramatis
1 markah	- isi kurang relevan tetapi ayat kurang gramatis
0 markah	- isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

JAWAPAN PEMAHAMAN- Bahagian A (ii)Soalan 1Maksud rangkai kata *membina personaliti*.

[2markah]

Membina	- mewujudkan - membentuk - mengembang - meninggikan - membangun
Personaliti	- perwatakan - keperibadian

- **Jika kedua-dua perkataan diubah dan salah satu maksud betul – 0m**
contoh : mewujudkan perandai
(√) (x)
- **Jika salah satu perkataan diubah dan maksudnya tepat – 1m**
Contoh : membina perwatakan / mewujudkan personaliti
- **Jika maksud dihuraikan – 0m**

Soalan 2

Kekangan yang dihadapi dalam usaha memupuk perpaduan kaum di negara kita. [4 markah]

1. Rakyat negara ini kurang memahami falsafah di sebalik Rukun Negara. (2m)
2. Sistem pendidikan dan persekolahan yang berbeza-beza. (2m)

Soalan 3

Kesan yang akan berlaku sekiranya perpaduan tidak dapat dicapai. [4 markah]

1. Berlaku pergaduhan antara kaum. (2m)
2. Perpecahan kaum. (2m)
3. Keamanan tergugat. (2m)
4. Ketidakstabilan ekonomi. (2m)
5. Imej negara tercemar. (2m)

* pilih dua isi sahaja

* Terima mana-mana idea yang relevan.

BAHAGIAN B
KARANGAN BERDASARKAN BAHAN RANGSANGAN
(20 MARKAH)

PERINGKAT / MARKAH	CIRI-CIRI KARANGAN
A (16 – 20)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Penggunaan kata dan ayat gramatis. ❖ Penggunaan kosa kata luas dan tepat. ❖ Terdapat kesalahan yang kecil dalam penggunaan kata. ❖ Isi tepat berdasarkan tugas dan huraian berkembang. ❖ Pengolahan menarik dan berkesan.
B (11 – 15)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Penggunaan kosa kata tepat ❖ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang kecil. ❖ Isi masih tepat dan huraian kurang dikembangkan. ❖ Pengolahan menarik.
C (6 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Penggunaan kosa kata terhad. ❖ Kesalahan ejaan dan tanda baca ketara. ❖ Isi kurang tepat berdasarkan tugas. ❖ Pengolahan tidak menarik.
D (1 – 5)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Penguasaan bahasa tidak cekap. ❖ Isi kabur dan tidak berkaitan dengan tugas.

Arahan Soalan :

Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha untuk meningkatkan minat remaja terhadap permainan tradisional.

CADANGAN JAWAPAN :

Pendahuluan – Pengenalan permainan tradisional.

Kini, *permainan tradisional* seperti gasing, congkak dan wau semakin dipinggirkan oleh *generasi muda*. *Usaha-usaha* perlu dilakukan untuk meningkatkan minat remaja terhadap permainan tradisional agar tidak terus terpinggir.

Cadangan Isi:

1. Melalui persatuan di sekolah
2. Kempen
3. Galakan ibu bapa
4. Peranan Media massa

**Isi lain yang bersesuaian boleh diterima*

Penutup - Kesimpulannya, semua pihak harus berganding bahu dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan permainan tradisional ini tidak pupus ditelan zaman bak kata pepatah “sepakat membawa berkat”.

BAHAGIAN C
KARANGAN RESPON TERBUKA
(40 MARKAH)

PERINGKAT PENCAPAIAN	DESKRIPSI
A (34 – 40)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Penggunaan pelbagai ayat. ➤ Penggunaan dan tanda baca yang betul. ➤ Isi relevan dengan huraian yang jelas. ➤ Pengolahan menarik serta berkesan. ➤ Pemerenggan dan format menepati kehendak tugasan. ➤ Terdapat penggunaan ungkapan menarik.
B (27 – 33)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ ➤ Penggunaan pelbagai ayat majmuk. ➤ Penggunaan ejaan dan tanda baca betul. ➤ Penggunaan kosa kata luas. ➤ Isi relevan, huraian jelas berserta dengan contoh. ➤ Pengolahan menarik, pemerenggan sesuai. ➤ Terdapat penggunaan ungkapan menarik.
C (20 -26)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Penggunaan ayat majmuk. ➤ Terdapat kesalahan yang minimum . ➤ Penggunaan kosa kata umum. ➤ Isi relevan dan huraian masih jelas. ➤ Pengolahan masih menarik dan pemerenggan sesuai.
D (13 – 19)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Penggunaan ayat mudah dan kesalahan yang minimum. ➤ Terdapat kesalahan yang ketara. ➤ Isi masih relevan tetapi huraian tidak jelas. ➤ Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai dan format kurang tepat /format bercampur aduk.
E (01 – 12)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis.

CADANGAN JAWAPAN :**Soalan 1**

Baru-baru ini anda telah terpilih menyertai Kem Bina Insan yang dianjurkan oleh Unit Bimbingan Kaunseling di sekolah anda.

Ceritakan pengalaman anda semasa menyertai kem itu.

Format : Tiada**Pendahuluan**

Tarikh Kem Bina Insan – peserta terdiri daripada murid tingkatan 3 – banyak pengalaman yang diperoleh sepanjang kem berlangsung.

Isi-isi cadangan

1. Dapat membentuk disiplin dan jati diri murid.
2. Memupuk kepimpinan dalam diri murid
3. Menjalin hubungan /silaturahim antara peserta
4. Memupuk kerjasama antara murid
5. Mendapat pengalaman yang mencabar dan menyeronokkan.

Penutup

Cadangan agar murid lain dapat menyertai kem bina insan kerana banyak faedahnya. Harap dapat mengikuti kem lagi pada masa akan datang.

Soalan 2

Pertubuhan Sukarela merupakan satu persatuan atau organisasi yang melakukan sesuatu aktiviti kemasyarakatan secara sukarela.

Tulis sebuah rencana tentang kepentingan menyertai Pertubuhan Sukarela.

Format : Rencana

Tajuk : Kepentingan menyertai pasukan sukarela
Oleh : Nama Penulis

Pendahuluan:

Pertubuhan Sukarela seperti RELA, Rukun Tetangga, MERCY dan lain-lain.
Contoh aktiviti kemasyarakatan

Isi-isi

1. Dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah.
2. Dapat membantu golongan yang memerlukan bantuan.
3. Dapat menambah pengetahuan dan pengalaman.
4. Dapat memperkukuh perpaduan dalam masyarakat.
5. Dapat memupuk sikap saling menyayangi dan saling membantu dalam kalangan masyarakat
6. Dapat menambah rakan atau kenalan.
 - Isi-isi lain yang relevan diterima

Penutup

Harapan agar lebih ramai anggota masyarakat yang menyertai pasukan sukarela. Matlamat negara untuk melahirkan masyarakat yang penyayang dan perpaduan kaum dapat dicapai.

Soalan 3

Kejayaan dalam bidang akademik dan kokurikulum melayakkan seseorang murid itu dinobatkan sebagai murid cemerlang.

Bincangkan faktor-faktor kejayaan murid cemerlang.

Format : Tiada**Pendahuluan**

Setiap murid impikan kejayaan dalam bidang akademik dan kokurikulum. Kejayaan tidak datang bergolek. Banyak faktor yang menentukan kejayaan murid cemerlang.

Isi-isi cadangan

1. Murid mesti rajin mengulang kaji pelajaran- tidak membuang masa.
2. Pengaruh rakan sebaya
3. Guru mengajar dengan bersungguh-sungguh – memberi tunjuk ajar dan bimbingan
4. Ibu bapa memastikan anak-anak tidak leka-beri sokongan moral dan material
5. Persekitaran yang selesa – pelbagai kemudahan perlu disediakan.

Penutup

Kerjasama semua pihak perlu dalam menentukan kejayaan murid cemerlang- kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya'

Soalan 4

Kebersihan sungai adalah tanggungjawab kita bersama. Namun, masyarakat kini masih tidak mengambil peduli tentang pencemaran sungai yang semakin serius.

Berikan pendapat anda tentang langkah-langkah yang patut diambil bagi mengatasi pencemaran sungai.

Format : Tiada**Pendahuluan**

Sungai-sungai di Malaysia semakin tercemar- cth : Sungai Kelang- masalah pencemaran ini perlu diatasi dengan segera.

Isi-isi :

1. Kempen berterusan di media masa/elektronik.
2. Pemantauan pihak berkuasa secara menyeluruh
3. Penguatkuasaan undang-undang-Denda yang tegas dikenakan kepada sesiapa yang melakukan pencemaran sungai.
4. Ibu bapa menerapkan amalan menjaga kebersihan dalam kalangan anak-anak sejak kecil.
5. Kerjasama menyeluruh daripada anggota masyarakat.
6. Masyarakat mesti melaporkan kejadian/aktiviti pencemaran sungai.

Penutup

Semua pihak perlu bekerjasama dalam menangani isu pencemaran sungai.

Soalan 5

Kata-kata hikmat *Bahasa Jiwa Bangsa* jelas menunjukkan bahawa sesuatu bangsa itu terkenal kerana mempunyai bahasa yang berdaulat.

Huraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan.

Format : Tiada

Pendahuluan – kepentingan bahasa kebangsaan kepada masyarakat.

Cadangan Isi

1. Kempen
2. Peranan media massa.
3. Peranan ibu bapa
4. Mewajibkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
5. Kerajaan – menggubal Dasar MBMMBI.

SOALAN BAHAGIAN D – 10 MARKAH (KAJIAN NOVEL)**1. Peraturan Pemarkahan**

a.	Maksimum markah keseluruhan – 10 markah.
b.	Markah isi maksimum – 6 markah
c.	Markah bahasa maksimum – 4 (secara impression).
d.	Setiap pernyataan isi – 1 markah
e.	Setiap huraian – 1 markah
f.	Setiap isi yang betul tanpa huraian – 1 markah
g.	Huraian tanpa nilai murni – 0 markah

Arahan soalan :

Berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji, huraikan **tiga** persoalan berserta dengan contoh yang sesuai bagi menggambarkan persoalan-persoalan tersebut.

CADANGAN JAWAPAN :**Hikmah karya Mohd Faris Ikmal****1. Kasih sayang seorang anak terhadap ibunya**

- Walaupun Amri seorang murid yang nakal di sekolah, namun dia seorang yang taat dan sayang akan ibunya. Dia sanggup menggunakan wang simpanannya dan berbasikal ke pekan untuk membeli ubat ibunya. dia juga turut mengalirkan air mata ketika ubat yang dibeli untuk ibunya dicurahkan oleh penyamun sedangkan dia sudah tidak ada duit untuk membeli ubat yang lain.

2. Salah laku murid di sekolah.

- Amri suka membuli dan memeras ugut pelajar junior di sekolahnya. Setiap pelajar harus membayar wang perlindungan diri kepada Amri dan kawan-kawannya.

3. Prihatin dan simpati terhadap insan yang memerlukan

- Pak Dollah, jiran Amri seorang yang baik hati dan prihatin terhadap kesusahan Amri dan ibunya. Dia bersimpati dengan kesusahan mereka dan sanggup membenarkan ibu Amri berhutang dengannya.

4. Ketabahan dalam mengharungi cabaran dan dugaan hidup

- Ibu Amri digambarkan sebagai seorang yang tabah dan sabar menghadapi cabaran dan dugaan hidup sejak suaminya berubah sikap. Suaminya sering meminta wang dan mengasarinya jika tidak mendapat wang yang dimintanya. Namun, dia tetap yakin suaminya akan berubah satu hari nanti. Dia turut menasihati Amri supaya tidak mendendam bapanya.

5. Keinsafan yang timbul setelah berhadapan dengan masalah.

- Amri berasa insaf terhadap kesalahannya selama ini selepas peristiwa dia dibelasah dan diperas ugut oleh dua orang pemuda. Dia bertekad untuk mengubah sikap dan menjadi pelindung kepada pelajar-pelajar yang lemah di sekolahnya.
- Bapa Amri juga telah insaf apabila dipenjarakan dan Amri juga telah memaafkan kesalahan ayahnya.

**terima mana-mana idea / huraian yang relevan dengan novel*

Istana Menanti karya Abdul Latip Talib

1) Kesedaran golongan muda tentang sejarah tanah air.

- Fadhil, Ah Seng, dan Ramasamy sanggup meluangkan masa ke rumah Tuk Ngah kerana warga emas itu banyak mengetahui tentang sejarah setempat dan sejarah negara. Mereka berkongsi maklumat dan info sejarah dengan Tuk Ngah.

2) Semangat perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa.

- Masyarakat di Kampung Ulu Seperi, Rembau terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum dan agama. Mereka hidup bersatu padu dan saling membantu khususnya ketika mencari Fadhil dan rakan-rakannya yang hilang di Gunung Datuk.

3) Kebijaksanaan pahlawan-pahlawan Melayu pada zaman dahulu dalam mengatur strategi perang.

- Pahlawan-pahlawan Melayu terdahulu membina kediaman yang jauh di puncak bukit atau gunung agar terselamat daripada serangan musuh. Istana Menanti yang dibina di puncak gunung telah dijadikan tempat perkumpulan pendekar-pendekar Rembau dalam usaha mereka menentang penaklukan Portugis dan Inggeris.

4) Keunikan dan keistimewaan bangunan lama.

- Istana Menanti terhasil daripada kehebatan orang-orang terdahulu. Meskipun tidak dibina berdasarkan teknologi moden, namun Istana Menanti tetap kukuh dan agam meskipun usianya dianggarkan sudah 500 tahun. Reka bentuk istana itu juga unik kerana atapnya melentik seperti tanduk kerbau. Istana ini mempunyai ukiran yang halus dan cantik. Luasnya pula dapat memuatkan sehingga 300 orang. Tiang istana berjumlah 40 batang juga masih kukuh kerana diperbuat daripada kayu keras.

5) Kepercayaan masyarakat Melayu terhadap perkara-perkara mistik.

- Segelintir masyarakat Melayu yang digambarkan dalam novel ini percaya akan perkara-perkara mistik. Contohnya, penduduk setempat percaya bahawa Istana Menanti dihuni oleh makhluk bunian atau berpenunggu.

**terima mana-mana idea / huraian yang relevan dengan novel*

Bukan Duniaku karya AidaShahira

1. **Remaja yang kurang matang mudah merajuk.**
 - Apabila ibu bapa Halim terlupa menyambut hari jadinya, Halim merajuk lalu melarikan diri ke kota.
2. **Manusia yang tidak bertanggungjawab.**
 - Abang Joe, ketua sindiket dadah, memeras tenaga para remaja untuk mengaut hasil daripada mereka.
3. **Semangat setiakawan yang tinggi.**
 - Saleh dan Halim saling bersimpati dan bantu-membantu antara satu sama lain.
4. **Peranan pihak berkuasa dalam membasmi jenayah.**
 - Anggota polis yang diketuai oleh Fariz menyiasat dan akhirnya dapat memberkas penjenayah yang diketuai oleh Abang Joe.
5. **Kesempitan ekonomi menimbulkan pelbagai masalah.**
 - Keluarga Saleh miskin menyebabkan Saleh terpaksa berhenti sekolah dan mencari pekerjaan di kota.

**terima mana-mana idea / huraian yang relevan dengan novel*

Sukar Membawa Tuah karya Suziana Che Will

1. **Pentingnya kemajuan dalam pelajaran untuk mengubah nasib keluarga.**
 - Adit mempunyai semangat dan kesedaran untuk bersekolah kerana menyedari betapa pentingnya ilmu untuk mengubah kehidupan keluarganya yang miskin dan ketinggalan arus pembangunan.
2. **Kemiskinan masyarakat Orang Asli.**
 - Masyarakat Orang Asli di kaki Bukit Lokan yang hidup dalam kemiskinan dan kemunduran. Rumah mereka dalam keadaan daif dan pada waktu malam rumah mereka hanya diterangi dengan pelita minyak. Sumber air mereka ialah dari sungai.
3. **Sikap saling membantu dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan merentasi sempadan**
 - Ah Tong yang berbangsa Cina menolong Adit dengan menumpangkan Adit pergi ke sekolah dan balik ke rumah setelah tamat masa persekolahan.
4. **Semangat kekitaan dan bekerjasama dalam kalangan masyarakat.**
 - Guru-guru di sekolah membantu Adit agar tidak ketinggalan dalam pelajaran. Apabila Adit terlibat dalam kemalangan pula, pekerja-pekerja balak bekerjasama dengan penduduk kampung Orang Asli mencari Adit.

**terima mana-mana idea / huraian yang relevan dengan novel*

(6.20 karya Siti Jasmina Ibrahim)

1) Kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anaknya.

- Ibu Sukma berasa sangat bimbang apabila Sukma ingin berjumpa dengan tetamu-tetamu misteri di hadapan rumahnya pada jam 6:20 pagi kerana baginya tindakan Sukma akan membawa bahaya kepada dirinya.

2) Konflik dalam keluarga.

- Persoalan ini dipaparkan melalui konflik yang berlaku antara ibu dengan Sukma. Ibu Sukma menganggap Sukma mengalami tekanan jiwa kerana terlalu ingin mengetahui tentang tetamu-tetamu misteri yang muncul di hadapan rumahnya pada pukul 6.20 pagi. Manakala Sukma pula menganggap ibunya terlalu mengongkong hidupnya.

3) Tanggungjawab seorang sahabat.

- Jerry sanggup membantu Sukma dengan memberitahu segala maklumat kelab WX2 walaupun Jerry tahu bahawa nyawanya terancam.

4) Berani menegakkan kebenaran

- Sukma, Teja dan Rafi berusaha mencari lebih banyak bahan bukti dan maklumat berkaitan kelab WX2. Sukma sanggup pergi ke Kelab WX2 seorang diri untuk mengetahui keadaan sebenar kelab tersebut.

5) Menunaikan ketaatan terhadap perintah Tuhan.

- Tuan Haji Syaqr dan Sukma tidak lupa menunaikan solat walaupun mereka sibuk dengan urusan masing-masing.

6) Tanggungjawab pemimpin anggota masyarakat.

- Tuan Haji Syaqr berusaha mengumpulkan dana bagi membiayai pembedahan jantung dan merawat penyakit kulit Ehsan.

7) Remaja yang mudah terpengaruh.

- Iskandar, Jerry dan Reny menyertai kumpulan WX2 yang memperjuangkan kebebasan mutlak akibat dipengaruhi pemikiran barat

**terima mana-mana idea / huraian yang relevan dengan novel*

Cempaka Putih Untukmu karya Rohani Deraman

1. Persoalan kasih sayang sesama manusia

- Papa (Encik Hasrul) dan mama (Sarah) mengambil berat terhadap anak angkat dan sanggup menanggung kos perubatan Satiah ketika dihantar ke hospital.

2. Persoalan kegigihan untuk menuntut ilmu.

- Walaupun berada di pedalaman yang serba kekurangan, murid-murid di Sekolah Menengah Kuala Batu tetap berusaha untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam PMR, seperti Satiah. Walaupun sering sakit, Satiah sanggup menghadapi penderitaan fizikal dan berjaya memperoleh 8A.

3. Persoalan penagihan dadah dalam kalangan remaja.

- Anak sulung perempuan Pak Morit telah menagih dadah sehingga mati akibat menghidap penyakit AIDS. Seterusnya Mak Usu kepada Hartini dan anak lelaki ketiga Mak Leha juga sering ditahan polis kerana menagih dadah. Pelajar di asrama juga turut terlibat dalam penagihan dadah seperti Junainah dan rakannya Salha.

4. Persoalan kasih sayang dan prihatin ibu bapa terhadap anak.

- Papa dan mama sentiasa sayang dan mengambil berat terhadap pelajaran dan perasaan anak mereka. Ketika Hartini ditahan polis kerana disyaki terlibat dalam penagihan dadah, papa telah menggunakan pelbagai kaedah untuk menyasat perkara itu sehingga membuktikan bahawa Hartini tidak bersalah dan dibebaskan oleh polis.

**terima mana-mana idea / huraian yang relevan dengan novel*

Merenang Gelora karya Roslan Ngah

1) Ibu bapa yang mementingkan kerjaya menyebabkan anak-anak yang terlibat dalam gejala sosial.

- Shahrul yang kurang mendapat perhatian daripada ibu bapanya telah terlibat dalam masalah disiplin sekolah dan bercampur dengan kumpulan motor.

2) Kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak

- Encik Tan memohon kepada pengetua supaya Meng Kong ditempatkan di asrama sekolah supaya anaknya berdisiplin dan berjaya dalam peperiksaan.

3) Hasad dengki dalam persahabatan.

- Shahrul mengarahkan Kumar memasukkan dua kotak rokok ke dalam beg sekolah Meng Kong dibuang dari asrama

4) Tanggungjawab terhadap tugas .

- Badri sebagai pengawas terus merujuk Cikgu Jailani sekiranya pelajar terlibat dalam kes disiplin walaupun melibatkan kawannya Jamil.

**terima mana-mana idea / huraian yang relevan dengan novel*

-PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT-